

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**SOALAN**

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status pengurusan isu tanah 25 ekar Taman Rimba Kiara antara Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Memang Perkasa Sdn Bhd:-.

- (a) Apakah jumlah bayaran yang telah dibayar kepada YWP dan baki perlu dibayar dalam usahasama sejauh ini; dan
- (b) Keputusan audit terhadap akaun YWP pada tahun 2016, 2017 dan 2018 dan senarai penyumbang dan penderma jumlah sebanyak RM20,000 setahun kepada YWP pada tahun 2016, 2017 dan 2018.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai, berkaitan status pengurusan isu tanah seluas 25 ekar di Taman Rimba Kiara, suka kami jelaskan, bukanlah 25 ekar tetapi ianya seluas 12 ekar sahaja.

Status usahasama antara Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Memang Perkasa Sdn Bhd adalah seperti berikut:

- a) Jumlah pulangan yang telah dibayar kepada YWP adalah sebanyak RM31 juta; di mana ianya telah digunakan bagi memenuhi komitmen kebajikan YWP kepada rakyat Wilayah Persekutuan yang memerlukan, bermula daripada tahun 2014 hingga 2019. Sehingga kini,

**NO. SOALAN : 43**

baki pulangan yang perlu diberikan dalam usahasama ini adalah bergantung kepada kebenaran pembangunan yang akan ditentukan oleh mesyuarat Kabinet kelak.

- b) Keputusan Audit terhadap akaun YWP pada tahun 2016 dan 2017 boleh diperolehi secara terbuka melalui sistem carian Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Manakala Audit untuk tahun 2018 masih dalam semakan syarikat Juruaudit Berauliah. Untuk makluman, YWP mendapat pengecualian cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) (Seksyen 44 (6)), dimana kelulusan diberi mulai 1 Januari 1987. Kelulusan ini disiarkan dalam Warta Kerajaan Persekutuan dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk sumbangan diterima.
- c) Berikut adalah senarai penyumbang dari tahun 2016 hingga 2019.

| BIL           | NAMA   | 2016                 | 2017               | 2018               | 2019               |
|---------------|--|----------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
| 1             | PERTAMA MAKMUR SDN BHD                       | 1,500,000.00         |                    |                    |                    |
| 2             | TEKAD WARISAN (M) SDN BHD                    | 600,000.00           |                    |                    |                    |
| 3             | EURO SAGA SDN BHD                            | 1,300,000.00         | TIADA              | TIADA              | TIADA              |
| 4             | ASIANMAX CORPORATION SDN BHD                 | 1,600,000.00         | SUMBANGAN DITERIMA | SUMBANGAN DITERIMA | SUMBANGAN DITERIMA |
| 5             | YAYASAN ALBUKHARY CARPET CORPORATION SDN BHD | 5,000,000.00         |                    |                    |                    |
| 6             | GENTING SDN BHD                              | 50,000.00            |                    |                    |                    |
| 7             | LOW KENG HUAT                                | 150,000.00           |                    |                    |                    |
| 8             |  | 250,000.00           |                    |                    |                    |
| <b>JUMLAH</b> |  | <b>10,450,000.00</b> | -                  | -                  | -                  |

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**SOALAN NO. 44**

**DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [ MACHANG ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah doktor wanita yang berkhidmat di hospital bersalin Kerajaan di seluruh negara dan adakah pihak Kementerian melihat terdapat keperluan mendesak untuk penambahan doktor wanita ini.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Terdapat seramai 1,016 doktor wanita yang berkhidmat di hospital bersalin Kerajaan di seluruh Negara. Kerajaan berpandangan sememangnya terdapat keperluan untuk menambah doktor wanita di hospital-hospital bersalin. Walau bagaimanapun, buat masa ini, penempatan dibuat dengan mengambil kira jumlah doktor wanita yang ada dan juga keperluan perkhidmatan di hospital tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**SOALAN NO. 45**

**DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan kesedaran berkenaan isu kesihatan di kalangan masyarakat Orang Asli (OA) di Malaysia sekaligus mengelakkan kes di Sungai Koh berulang.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memastikan kecapaian perkhidmatan kesihatan ke populasi Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia melalui fasiliti Klinik Statik dan Klinik Bergerak. Terdapat sebanyak lima (5) buah Klinik Kesihatan dan 11 buah Klinik Desa yang terletak di dalam perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Semenjak KKM mengambil alih penyampaian perkhidmatan kesihatan dari pihak JAKOA pada 2012, KKM telah menubuhkan 12 Pasukan Bergerak Orang Asli (PBOA) khusus bagi memberikan perkhidmatan kesihatan ke populasi Orang Asli di pedalaman Pahang, Kelantan, Perak dan Johor. KKM juga turut menyediakan Pasukan Doktor Udara (PDU) bagi menyampaikan perkhidmatan kesihatan ke Perkampungan Orang Asli di pedalaman yang sukar dicapai melalui jalan darat atau air. Pasukan Kesihatan Bergerak ini menyampaikan perkhidmatan kesihatan Pesakit Luar dan Penjagaan Kesihatan Ibu dan Anak di Perkampungan Orang Asli di pedalaman dan pinggiran terbabit sekurang-kurangnya setiap empat (4) minggu sekali.

Bagi meningkatkan kesedaran berkenaan isu kesihatan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Malaysia, pelbagai bentuk aktiviti promosi penjagaan kesihatan dan amalan hidup sihat di kalangan individu, keluarga dan masyarakat Orang Asli telah dilaksanakan dari semasa ke semasa. Antaranya adalah Kem-kem Kesihatan seperti Program Jalinan Mesra Kesihatan bersama agensi lain seperti pihak JAKOA, PKD Daerah berkenaan dan Asyik FM yang dianjurkan antara 4 – 6 kali setahun. Ianya dilaksanakan samada berdasarkan suku kaum atau lokaliti tempat tinggal Orang Asli; contohnya suku Jahut di Sungai Mai, Jerantut Pahang, suku Temuan di Bukit Legong, Gombak, Selangor dan termasuk suku Bateq di Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan.

Di samping itu, kursus latihan bagi melatih sukarelawan sebagai *first aider* yang dilakukan di Pos Sindron, Lipis dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut dilaksanakan khususnya untuk kes-kes kecemasan seperti *Basic Life Support*. Aktiviti mempromosi perubahan gaya hidup dalam kalangan kumpulan berisiko tinggi serta melibatkan masyarakat Orang Asli dalam mempromosi perubahan gaya hidup semua peringkat masyarakat turut dilaksanakan di beberapa lokaliti terpilih dari semasa ke semasa.

Program *outreach* dan *mass media* di bawah Unit Bergerak Pendidikan Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri yang melibatkan agensi seperti JAKOA dan Majlis Agama Negeri turut diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun. Antara pengisian program adalah tayangan video yang diselang-selikan dengan mesej kesihatan, lawatan rumah ke rumah untuk menunjukkan cara-cara menjaga kebersihan individu dan nasihat individu seperti etika batuk dan cara pencegahan penularan penyakit berjangkit dengan memberi tumpuan kepada lokaliti pendalamam yang mendapat liputan media yang terhad. Iniatif ini turut melibatkan penubuhan 29 buah Kelab Doktor Muda di sekolah - sekolah yang mempunyai pelajar-pelajar Orang Asli di Perak, Kelantan, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan.

Sekian, terima kasih.